A

Wong You Farr lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (KLANG) — RAYUAN JENAYAH NO BA-42H-03 TAHUN 2018
MEOR HASHIMI PK
14 DISEMBER 2018

C *Keterangan — Saksi — Kredibiliti — Perayu disabitkan dan didapati bersalah oleh hakim bicara atas kesalahan merogol — Mangsa memberi keterangan — Sama ada mangsa merupakan saksi yang boleh dipercayai — Sama ada keterangan mangsa meyakinkan dan boleh dipercayai — Sama ada keterangan mangsa konsisten — Akta Keterangan 1950 s 157*

D

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Rogol — Perayu disabitkan dan didapati bersalah oleh hakim bicara — Sama ada inti pati pertuduhan dibuktikan — Sama ada mangsa saksi yang boleh dipercayai — Sama ada pembelaan perayu adalah 'afterthought' — Sama ada berlaku ketidakadilan dan prejudis kepada perayu — Sama ada perayu gagal membuktikan keraguan munasabah — Kanun Keseksaan s 376(1)

E

F Rayuan semasa telah difailkan oleh perayu iaitu Wong You Farr terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') yang diberikan pada 5 Mac 2018 bagi dua kesalahan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan terhadap perayu dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama. Di akhir kes pembelaan, perayu telah disabitkan dan didapati bersalah bagi kedua-dua pertuduhan yang dihadapkan ke atasnya dan telah dijatuhkan hukuman penjara 16 tahun dari
G tarikh jatuh hukum iaitu pada 5 Mac 2018 dan empat sebatan bagi setiap pertuduhan dan hukuman penjara berjalan serentak. Perayu yang terkilan dengan keputusan hakim bicara telah merayu kepada mahkamah ini terhadap keseluruhan keputusan yang dijatuhkan oleh hakim bicara. Mangsa ('SP2') merupakan seorang kanak-kanak berumur 15 tahun semasa kejadian rogol.
H Perayu adalah majikan kepada ibu SP2 ('SP1') dan SP1 bekerja sebagai pelayan pelanggan di kedai milik perayu yang menjual makanan nasi campur. Ianya adalah kes pendakwaan bahawa SP2 telah dirogol oleh perayu pada bulan Julai 2015 jam lebih kurang 10.30 malam di sebuah bilik dalam rumah perayu dan juga pada bulan Ogos 2015 jam lebih kurang 5.30 petang di dalam tandas
I kedai perayu. SP2 berumur 16 tahun sembilan bulan semasa memberikan keterangan di mahkamah pada 22 Mei 2017 dan HMS yang bijaksana telah mendapati SP2 memahami maksud sumpah dan bercakap benar dan telah membenarkan SP2 memberi keterangan secara bersumpah. Semasa memberi keterangan di mahkamah, SP2 bukanlah seorang kanak-kanak dalam usia

mentah bagi maksud s 133A Akta Keterangan 1950. Pihak pendakwaan telah memanggil seramai empat orang saksi pendakwaan iaitu SP1, SP2, Lee Chian Kim, doktor pakar Obstetik dan Ginekologi, Hospital Selayang, Dr Nor Elyana bt Noordin ('SP3') dan pegawai penyiasat, Insp Noor Hidayu bt Aziz ('SP4'). Perayu apabila dipanggil membela diri telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah dalam bahasa Cina dialek kantonis. Dalam keterangannya, perayu menafikan telah merogol SP2 di rumah perayu dan juga dalam tandas di kedai perayu. Perayu juga menafikan ada membawa SP2 balik ke rumah perayu dan juga menafikan ada membawa SP2 masuk ke dalam tandas di kedai perayu. Selanjutnya, perayu mengatakan sejak 2013, akibat strok, kemaluan perayu tidak boleh naik dan perayu tidak dapat mengadakan hubungan seks.

Diputuskan, menolak rayuan perayu:

(1) Hakim bicara yang bijaksana telah membuat dapatan yang betul di akhir kes pendakwaan apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu bagi kedua-dua pertuduhan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan. Mahkamah bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa berdasarkan peruntukan s 375 Kanun Keseksaan, pihak pendakwaan telah membuktikan inti pati-inti pati pertuduhan kesalahan rogol sebagaimana kedua-dua pertuduhan dalam kes semasa iaitu: (a) telah berlaku persetubuhan di antara perayu dan SP2; (b) terdapat kemasukan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2; dan (c) persetubuhan antara perayu dan SP2 berlaku dengan kerelaan atau tanpa kerelaan SP2 yang berumur di bawah 16 tahun semasa kejadian (lihat perenggan 20, 34 & 37).

(2) Mahkamah mendapati bahawa SP2 adalah seorang saksi yang boleh dipercayai (*credible*) dan keterangan SP2 adalah konsisten dan telah diterima oleh hakim bicara. Keterangan yang diberikan oleh SP2 adalah begitu menyakinkan dan boleh dipercayai (*unusually convincing*), mengambil kira keterangan SP2 bagaimana kejadian rogol dilakukan oleh perayu terhadap SP2 yang telah diterangkan dengan jelas dan baik oleh SP2. Keterangan SP2 adalah kukuh dan begitu menyakinkan dan tidak memerlukan apa-apa keterangan sokongan. Mahkamah juga bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang mengambil kira keadaan dan fakta dalam kes ini, keterangan SP2 adalah konsisten dan boleh dipercayai dan juga bersandarkan kepada peruntukan s 157 Akta Keterangan 1950, keterangan SP2 telah disokong sewajarnya oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan dan keterangan dokumentar yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan (lihat perenggan 21 & 23).

(3) Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa pembelaan perayu adalah penafian semata-mata dan mengenai isu mati pucuk, ianya merupakan suatu pembelaan yang difikirkan kemudian (*afterthought*)

oleh perayu serta tidak mempunyai apa-apa merit. Keterangan perayu dan isterinya (SD2) sahaja adalah tidak memadai untuk membuktikan keadaan mati pucuk yang dialami oleh perayu tanpa disokong oleh keterangan perubatan atau doktor yang merawat perayu. Tambahan pula, perayu telah gagal untuk mengemukakan atau mengajukan soalan mengenai isu mati pucuk kepada saksi pendakwaan semasa kes pendakwaan (lihat perenggan 41 & 43).

(4) Mahkamah berpendapat tidak berlaku apa-apa ketidakadilan atau prejudis yang material kepada perayu. Perayu telah diberikan perbicaraan yang adil dan saksama. Dalam dapatan mahkamah, keputusan di akhir kes pendakwaan yang telah dibuat oleh HMS pada 4 Januari 2018 adalah teratur dan tidak menyebabkan apa-apa ketidakadilan kepada perayu (lihat perenggan 45–46).

(5) Setelah menimbangkan keseluruhan keterangan pihak pendakwaan dan juga pembelaan perayu, mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan sabitan perayu bagi kedua-dua pertuduhan tersebut adalah selamat. Selain itu, hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara juga adalah berasas dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan bersandarkan kepada prinsip penghukuman yang betul dan tiada alasan yang mewajarkan campur tangan mahkamah semasa. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara dikekalkan (lihat perenggan 47).

[English summary

The present appeal was filed by the appellant Wong You Farr against the sessions court judge ('HMS') delivered on 5 March 2018 for two offences under s 376(1) of the Penal Code against the appellant and punishable under the same section. At the end of the defence case, the appellant was convicted and found guilty of the two charges against him and was sentenced to 16 years of imprisonment from the date of the sentence on 5 March 2018 and four whipping for each charge and the sentence of imprisonment to run concurrently. The appellant aggrieved by the decision of the trial judge had appealed to this court against the whole decision sentenced by the judge. The victim ('SP2') was a 15 year old child during the rape incident. The appellant was the employer to SP2's mother ('SP1') and SP1 worked as a waitress in the appellant's shop selling *nasi campur*. It was the prosecution's case that SP2 was raped by the appellant in July 2015 at about 10.30pm in a room in the appellant's house and also in August 2015 at about 5.30pm in the restroom in the appellant's shop. SP2 was 16 years and nine months old while giving evidence in court on 22 May 2017 and the learned HMS had found that SP2 understood the meaning of the oath and was speaking the truth and had

allowed SP2 to testify upon oath. When giving evidence in court, SP2 was not a child of age for the purpose s 133A of the Evidence Act 1950. The prosecution had called four prosecution witnesses ie SP1, SP2, Lee Chian Kim, obstetric and gynecologist specialist, Selayang Hospital, Dr Nor Elyana bt Noordin ('SP3') and investigating officer Insp Noor Hidayu bt Aziz ('SP4'). The appellant when called for defence had chosen to testify upon oath in Chinese Cantonese dialect. In his testimony, the appellant denied having raped SP2 in the appellant's house and also in the restroom in the appellant's shop. The appellant also denied that he had brought SP2 back to the appellant's house and also denied that he had brought SP2 into the restroom at the appellant's shop. Furthermore, the appellant said that since 2013, as a result of stroke, the genitals of the appellant could not be erected and the appellant could not have sex.

Held, dismissing the appellant's appeal:

(1) The learned trial judge had made correct findings at the end of the prosecution's case when ruling that the prosecution had proven a prima facie case against the appellant for both charges under s 376(1) of the Penal Code. The court agreed with the findings of the learned HMS that under the provisions of s 375 of the Penal Code, the prosecution had proven the elements of rape offense as both charges in the current case ie: (a) there had been sexual intercourse between the appellant and SP2; (b) there was insertion of the appellant's genitals into SP2's genitals; and (c) the intercourse between the appellant and SP2 happened with consent or without consent of SP2 under 16 years of age during the incident (see paras 20, 34 & 37).

(2) The court found that SP2 was a credible witness and the evidence of SP2 was consistent and had been received by the trial judge. The evidence given by SP2 was unusually convincing, taking into account SP2's evidence of how the rape was committed by the appellant against SP2 which was clearly explained by SP2. The evidence of SP2 was strong and so convincing and did not require any supporting evidence. The court also agreed with the findings of the trial judge who took into account the circumstances and facts in this case, the evidence of SP2 was consistent and believable and was also based on the provisions of s 157 of the Evidence Act 1950, the evidence of SP2 had been duly supported by the evidence of prosecution witnesses and documentary evidence submitted by the prosecution (see paras 21 & 23).

(3) The court agreed with the findings of the judge that the defence of the appellant was a mere denial and on the issue of impotence, it constituted an afterthought by the appellant and had no merit. The evidence of the appellant and his wife (SD2) alone was inadequate to prove the impotence suffered by the appellant without being supported by medical

evidence or a doctor treating the appellant. Furthermore, the appellant had failed to submit or raise questions on impotence issues to the prosecution witness during the prosecution's case (see paras 41 & 43).

(4) The court was of the opinion that no injustice or material prejudice was made to the appellant. The appellant had been granted fair and equitable hearing. In the court's findings, the decision at the end of the prosecution's case made by the HMS on 4 January 2018 was in order and did not cause any injustice to the appellant (see paras 45–46).

(5) Having considered the whole of the prosecution's evidence and also the defence of the appellant, the court agreed with the trial judge's finding that the appellant had failed to cause reasonable doubt on the prosecution's case. The court agreed with the trial judge's finding that the prosecution had proven its case beyond reasonable doubt and the conviction of the appellant for both charges was safe. In addition, the sentence imposed by the trial judge was also justified and commensurate with the offense committed and based on the right judgment principle and no reason to justify the intervention of the present court. Hence, the sentence imposed by the trial judge was maintained (see para 47).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kredibiliti saksi, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 3451–3518.

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 45–101.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmadi bin Moin v PP [2017] MLJU 271; [2017] 1 LNS 303, MR (dirujuk)
Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534, MR (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)
Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193, MP (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209, MP (dirujuk)
Lai Kim Hon & Ors v PP [1981] 1 MLJ 84, MP (dirujuk)
Lee Ah Seng & Anor v PP [2007] 6 MLJ 1; [2007] 5 CLJ 1, MP (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Mohd Yusof bin Rahmat v PP [2009] MLJU 33; [2009] 2 CLJ 673, MR (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315 (dirujuk)
PP v Leong Heo Cheang [1990] MLJU 11; [1990] 2 CLJ Rep 738, MT (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)

PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393, MP (dirujuk)
R v Sargeant (1974) 60 Cr App Rep 74, MR (dirujuk)
Rex v Kenneth John Ball [1951] 35 Cr App R 164 (dirujuk)
Tan Kim Ho & Anor v PP [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236, MP (dirujuk)
Zainal bin Ibrahim v Pendakwa Raya [2009] MLJU 1055; [2010] 3 CLJ 1018, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 133A, 157
Kanun Keseksaan ss 375, 376(1)
Kanun Tatacara Jenayah ss 180, 261(b)

Muhammad Rafique bin Rashid Ali (Fahmi bin Adilah bersama beliau) (Fahmi Zhafri Ashraf & Co) bagi pihak perayu.
Nithtia a/p Sivasamy (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Meor Hashimi PK:

LATAR BELAKANG KES

[1] Ini adalah rayuan Wong You Farr ('perayu') terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen, Selayang, ('HMS') yang bijaksana yang diberikan pada 5 Mac 2018 bagi dua kesalahan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan terhadap perayu dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[2] Di akhir kes pembelaan, perayu telah disabitkan dan didapati bersalah bagi kedua-dua pertuduhan yang dihadapkan ke atasnya dan telah dijatuhkan hukuman penjara 16 tahun dari tarikh jatuh hukum (5 Mac 2018) dan empat sebatan bagi setiap pertuduhan dan hukuman penjara berjalan serentak.

[3] Perayu yang terkilan dengan keputusan HMS yang bijaksana, telah merayu kepada mahkamah ini terhadap keseluruhan keputusan yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana. Mahkamah ini setelah mendengar hujahan pihak perayu dan juga responden telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan HMS yang bijaksana.

PERTUDUHAN-PERTUDUHAN TERHADAP PERAYU

[4] Pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

Pertuduhan pertama

> Bahawa kamu pada Julai 2015 jam lebih kurang 10.30 malam bertempat dalam bilik rumah No. 25-G Taman Desa Mutiara Jalan 3 Bandar Country Homes Rawang, dalam daerah Gombak di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah

merogol satu perempuan cina bernama Lee Chian Kim KP: 000810-10-0450 (umur 15 tahun) oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada Ogos 2015 jam lebih kurang 5.30 petang bertempat di tandas Restoran Hong Seng Leong No. 101, Jalan Bandar Country Homes Rawang dalam daerah Gombak di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah merogol satu perempuan cina bernama Lee Chian Kim KP: 000810-10-0450 (umur 15 tahun) oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[5] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai empat orang saksi pendakwaan untuk membentangkan naratif kes pendakwaan. Mereka ialah Peh Lian Hoong (SP1: ibu mangsa), Lee Chian Kim (SP2: mangsa), Dr Nor Elyana bt Noordin (SP3: doktor pakar Obstetik dan Ginekologi, Hospital Selayang) dan Insp Noor Hidayu bt Aziz (SP4: pegawai penyiasat).

[6] Secara ringkasnya, kes pendakwaan ialah seperti berikut. SP2 (mangsa) merupakan seorang kanak-kanak berumur 15 tahun semasa kejadian rogol. Wong You Farr (perayu) adalah majikan SP1. SP1 bekerja sebagai pelayan pelanggan di kedai milik perayu yang menjual makanan nasi campur. Ianya adalah kes pendakwaan bahawa SP2 telah dirogol oleh perayu pada bulan Julai 2015 jam lebih kurang 10.30 malam di sebuah bilik dalam rumah perayu dan juga pada bulan Ogos 2015 jam lebih kurang 5.30 petang di dalam tandas kedai perayu.

[7] SP2 (mangsa) berumur 16 tahun sembilan bulan semasa memberikan keterangan di mahkamah pada 22 Mei 2017 dan HMS yang bijaksana telah mendapati SP2 memahami maksud sumpah dan bercakap benar dan telah membenarkan SP2 memberi keterangan secara bersumpah. Semasa memberi keterangan di mahkamah, SP2 bukanlah seorang kanak-kanak dalam usia mentah bagi maksud s 133A Akta Keterangan 1950.

PEMBELAAN PERAYU

[8] Perayu (SD1) apabila dipanggil membela diri telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah dalam Bahasa Cina dialek Kantonis. Dalam keterangannya, perayu menafikan telah merogol SP2 di rumah perayu dan juga dalam tandas di kedai perayu. Perayu juga menafikan ada membawa SP2 balik ke rumah perayu dan juga menafikan ada membawa SP2 masuk ke dalam tandas di kedai perayu. Selanjutnya, perayu mengatakan sejak 2013, akibat

strok, kemaluan perayu tidak boleh naik dan perayu tidak dapat mengadakan hubungan seks.

[9] Perayu telah memanggil Ong Giek Lee, isteri perayu (SD2) sebagai saksi pihak pembelaan. Dalam keterangannya, SD2 menafikan perayu ada membawa SP2 balik ke rumah perayu dan juga tidak pernah nampak perayu masuk ke tandas kedai bersama SP2. SD2 juga mengatakan bahawa sejak 2013 perayu tidak boleh mengadakan hubungan seks dengan SD2 kerana perayu makan ubat terlalu banyak.

KEWAJIPAN MAHKAMAH ATASAN YANG MENDENGAR RAYUAN

[10] Mahkamah atasan yang mendengar suatu rayuan tersebut mempunyai kewajipan undang-undang untuk menilai dan menguji keterangan pihak pendakwaan dan juga pembelaan dengan menyeluruh bagi memastikan sabitan yang dikenakan adalah selamat. Selanjutnya mahkamah atasan tersebut boleh mengubah dan menggantikan dapatan hakim bicara sekiranya dapat ditunjukkan bahawa dapatan hakim bicara ternyata salah atau tidak berasaskan keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan.

[11] Prinsip undang-undang mantap ini telah diperjelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209 di ms 211 seperti berikut:

> This view of the trial judge as to the credibility of the witness must be given proper weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding: see *Sheo Swarup v King-Emperor* AIR 1934 PC 227.

[12] Prinsip yang sama juga telah diperjelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84 di ms 93 seperti berikut:

> The principle of law governing appeals in criminal cases on questions of fact is well established, in that the Appeal Court will not interfere unless the balance of evidence is grossly against the conviction especially upon a finding of a specific fact involving the evaluation of the evidence of a witness founded on the credibility of such witness.

[13] Selanjutnya, atas prinsip yang sama, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2004] 3 MLJ 405 di ms 418; [2004] 3 CLJ 737 di ms 752 telah menyatakan seperti berikut:

> Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any

A further the moment it sees that the trial judge says that that is his finding of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances under which that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ Malaya) in *Herchun Singh*'s case 'there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding'. Otherwise, no judgment would ever be reversed on question of B fact and the provision of s 87 of the CJA 1964 that an appeal may lie not only on a question of law but also on a question of fact or on a question of mixed fact and law would be meaningless.

[14] Prinsip yang sama juga telah diberi penekanan oleh Mahkamah C Persekutuan dalam kes *Lee Ah Seng & Anor v Public Prosecutor* [2007] 6 MLJ 1 di ms 13; [2007] 5 CLJ 1 di ms 15, seperti berikut:

The approach to be taken by an appellate court when dealing with a trial court's assessment of credibility of witness is well-established by high authorities. The credibility of a witness is primarily for the trial judge. An appellate court should D always be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge who had audio-visual advantage of the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding. Discrepancies will always be found in the evidence of a witness but what a judge has to determine is whether they are minor or material discrepancies. It would be wrong to say just because a witness may have E contradicted in his evidence or even told lies on one or two points, his evidence should be totally rejected. In the final analysis it is for the trial judge to determine which part of the evidence of a witness he is to accept and which to reject (see *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 LNS 52 (FC); *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] F 2 CLJ 10; [1983] CLJ Rep 101 (FC); *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197 (FC); *Che Omar bin Mohd Akhir v Public Prosecutor* [1999] 2 MLJ 689; [1999] 2 CLJ 780 (CA)). It is not the function of an appellate court to make primary findings of facts (see *Public Prosecutor v Mohd Radzi Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2005] 6 AMR 203; [2006] 1 CLJ 457 (FC)).

G

[15] Selanjutnya dalam kes *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236, Mahkamah Persekutuan telah menyentuh prinsip yang sama dan di ms 164 (MLJ); ms 252 (CLJ), telah menyatakan H seperti berikut:

It is an established principle of law that when dealing with finding of facts, the trial judge is more often than not, in a better position to decide. The appellate court must be reluctant to interfere with such findings, unless the facts obviously disclose the courts below had clearly and wrongly evaluated the facts.

I

[16] Berdasarkan prinsip undang-undang yang mantap yang dinyatakan di atas serta isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak perayu, mahkamah ini telah menilai semula keterangan pihak pendakwaan dan juga pembelaan untuk memastikan sama ada keputusan HMS yang bijaksana (hakim bicara) itu betul

dan wajar, mengambil kira fakta dan keadaan kes.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH INI

[17] Peguam bela perayu dan timbalan pendakwa raya ('TPR') yang bijaksana dalam hujahan bertulis dan lisan masing-masing telah menyentuh beberapa isu semasa pendengaran rayuan ini.

PIHAK PENDAKWAAN TELAH MEMBUKTIKAN KES PRIMA FACIE TERHADAP PERAYU DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[18] Beban pembuktian di akhir kes pendakwaan adalah di pihak pendakwaan yang mesti membuktikan suatu kes prima facie sepertimana yang diperuntukkan di bawah s 180 Kanun Tatacara Jenayah. Maksud pembuktian suatu kes prima facie telah diperjelaskan dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 dan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393.

[19] Dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar*, Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan tindakan yang perlu diambil oleh mahkamah bicara di akhir kes pendakwaan adalah seperti berikut:

> [8] For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:
>
> (i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;
>
> (ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;
>
> (iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;
>
> (iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263.

[20] Dalam dapatan mahkamah ini, HMS yang bijaksana telah membuat dapatan yang betul di akhir kes pendakwaan, apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu

bagi kedua-dua pertuduhan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan. Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa berdasarkan peruntukan s 375 Kanun Keseksaan, pihak pendakwaan telah membuktikan inti pati-inti pati pertuduhan kesalahan rogol sebagaimana kedua-dua pertuduhan dalam kes ini terhadap perayu seperti berikut:

(a) telah berlaku persetubuhan di antara perayu dan SP2;

(b) terdapat kemasukan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2; dan

(c) persetubuhan antara perayu dan SP2 berlaku dengan kerelaan atau tanpa kerelaan SP2 yang berumur di bawah 16 tahun semasa kejadian.

[21] Naratif kes pendakwaan bergantung kepada keterangan SP2 (mangsa) yang telah memberi keterangan yang kukuh semasa perbicaraan. SP2 adalah seorang saksi yang boleh dipercayai (*credible*) dan keterangan SP2 adalah konsisten dan telah diterima oleh HMS yang bijaksana. Selanjutnya, setelah penilaian maksima dibuat terhadap keterangan SP2, mahkamah ini juga bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana (hakim bicara) mengenai penerimaan keterangan SP2. Dalam dapatan mahkamah ini, keterangan yang diberikan oleh SP2 adalah begitu menyakinkan dan boleh dipercayai (*unusually convincing*), mengambil kira keterangan SP2 bagaimana kejadian rogol dilakukan oleh perayu terhadap SP2 yang telah diterangkan dengan jelas dan baik oleh SP2. Dalam dapatan mahkamah ini, keterangan SP2 adalah kukuh dan begitu menyakinkan dan tidak memerlukan apa-apa keterangan sokongan (lihat kes *Zainal bin Ibrahim v Pendakwa Raya* [2009] MLJU 1055; [2010] 3 CLJ 1018).

[22] Dalam buku *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes* (27th Ed), di ms 1702, mengenai keterangan sokongan, penulis telah menyatakan seperti berikut:

> A woman or a girl who is raped is not an accomplice. Corroboration is not the *sine qua non* for conviction in a rape case. When a woman is ravished, what is inflicted is not merely physical injury but the deep sense of some deathless shame. The accused cannot insist on corroborative evidence, even if case spoken by victim was probable. The judicial response to human right cannot be blunted by legal jugglery.
>
> To insist on corroboration except in the rarest of rare cases is to equate one who is a victim of the lust of another with an accomplice to a crime and thereby insult womanhood. It would be adding insult to injury to tell a woman that her claim of rape will not be believed unless it is corroborated in material particulars as in the case of an accomplice to a crime. Why should the evidence of the girl or woman who complains of rape or sexual molestation be viewed with the aid of spectacles fitted with lenses tinged with doubt, disbelief or suspicion? The plea about lack of corroboration has no substance. It is well settled by a catena of decisions of the Supreme Court that there is no rule of law or practice that the evidence of the prosecutrix cannot be relied upon without corroboration and as such it has been laid

down that corroboration is not a *sine qua non* for a conviction in a rape case.

[23] Selanjutnya, mahkamah ini juga bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa, mengambil kira keadaan dan fakta dalam kes ini, keterangan SP2 adalah konsisten dan boleh dipercayai dan juga bersandarkan kepada peruntukan s 157 Akta Keterangan 1950, keterangan SP2 telah disokong sewajarnya oleh keterangan SP1 (ibu SP2), SP3 (doktor pakar obstetrik dan ginekologi, Hospital Selayang) dan juga SP4 (pegawai penyiasat). Di samping itu, keterangan dokumentar yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan iaitu Laporan Polis Rawang/004519/16 bertarikh 4 April 2016 (eksh P6) dan Laporan Perubatan Hospital Selayang (eksh P5) juga telah menyokong keterangan SP2 dan juga membuktikan bahawa SP2 telah memberi keterangan yang konsisten, baik semasa pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula.

[24] Peruntukan s 157 Akta Keterangan 1950 telah dirujuk dalam kes *Mohd Yusof bin Rahmat v Public Prosecutor* [2009] MLJU 33; [2009] 2 CLJ 673 dan Mahkamah Rayuan, di ms 679–680 telah memperjelaskan seperti berikut:

> The effect of this section on the established common law notion that a person cannot corroborate himself was explained by Raja Azlan Shah FJ (as His Royal Highness then was) in *Karthiyayani & Anor v Lee Leong Sin & Anor* [1975] 1 MLJ 119; [1974] 1 LNS 61:
>
> > It is settled law that a person cannot corroborate himself but it would appear that s 157 of the Evidence Act enables a person to corroborate his testimony by his previous statement. The section adopts a contrary rule of English jurisprudence by enacting that a former statement of a witness is admissible to corroborate him, if the former statement is consistent with the evidence given by him in court. The rule is based on the assumption that consistency of utterance is a ground for belief in the witness's truthfulness, just as inconsistency is a ground for disbelieving him.
>
> The Federal Court then added that this constitutes a very weak type of corroborative evidence as it tends to defeat the object of the rule that a person cannot corroborate himself.
>
> When the High Court confronted this same issue in *Public Prosecutor v Paneerselvan & Ors* [1991] 1 MLJ 106; [1990] 2 CLJ 833; [1990] 2 CLJ Rep 804, Edgar Joseph Jr J (as he then was) ruled that such a previous statement made by the witness is 'technically' admissible but excluded it as corroboration on ground that its probative value was outweighed by its prejudicial effect.
>
> In another High Court judgment of *Aziz bin Muhamad Din v Public Prosecutor* [1996] 5 MLJ 473; [1997] 1 CLJ Supp 523, Augustine Paul JC (as he then was) went even further to say that the use of such statement for the purpose of corroboration in a criminal case, just like that in a civil suit, is excluded by virtue of s 73A(7) of the Act. This subsection declares:

A

> For the purpose of any rule of law or practice requiring evidence to be corroborated, or regulating the manner in which uncorroborated evidence is to be treated, a statement rendered admissible as evidence by this Act shall not be treated as corroboration of evidence given by the maker of the statement.

B

C

It is our judgment that the view expressed by the High Court in *Aziz bin Muhamad Din v Public Prosecutor* on this issue of s 157 of the Act being excluded by virtue of s 73A(7) of the Act is erroneous. Section 73A(7) of the Act only applies to a civil case. This is explicitly stated both in the marginal note of s 73A of the Act which says 'Admissibility of documentary evidence in civil cases, etc' and in the commencement of sub-sections (1) and (2) of s 73A of the Act which specially declare that these provisions are for those 'in any civil proceedings ...' It is therefore our view that since s 157 of the Act is not excluded from application in a criminal case by s 73A of the Act, s 157 remains applicable in criminal proceedings.

D

[25] Dalam buku *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes* (27th Ed) di ms 1695–1969 mengenai keterangan mangsa rogol penulis telah menyatakan seperti berikut:

E

F

G

> Evidence of prosecutrix — It is no doubt true that in law the conviction of an accused on the basis of the testimony of the prosecutrix alone is permissible, but that is in a case where the evidence of the prosecutrix inspires confidence and appears to be natural and truthful. In the matter of rape, the statement of prosecutrix must be given primary consideration, but, the prosecution has to prove its case beyond reasonable doubt and there can be no presumption that a prosecutrix would always tell the entire story truthfully. It is now a well settled principle of law that conviction can be sustained on the sole testimony of the prosecutrix, if it inspires confidence. In a case of rape, particularly when the victims are illiterate, uneducated, their statements have to be accepted in toto without further corroboration. Minor contradictions or insignificant discrepancies should not be a ground for throwing out an otherwise reliable prosecution case. The main evidence in all such cases is that of the victim herself. The prosecutrix of a sex offence is a victim of a crime. The woman who is not victim of sexual assault is not accomplice to crime. Her evidence cannot be tested with suspicion as that if an accomplice. The evidence of prosecutrix is similar to evidence of injured complainant or witness. The testimony of prosecutrix, if found to be reliable by itself may be sufficient to convict the culprit and no corroboration of her evidence is necessary. In prosecution of rape, the law does not require corroboration.

H

[26] Mahkamah ini mendapati SP2 telah mula memberikan keterangan di mahkamah pada 22 Mei 2017 di hadapan Puan Zarifah bt Zainal Abidin, HMS sebelum beliau bertukar. Mengikut nota prosiding, SP2 berumur 16 tahun semasa memberi keterangan di mahkamah dan mempunyai kad OKU iaitu ketidakupayaan penglihatan. SP2 telah memberi keterangan bersumpah dalam Bahasa Cina dialek Kantonis. Semasa diuji oleh HMS yang bijaksana mengenai keupayaan SP2 memberi keterangan di mahkamah, SP2 telah memberi jawapan yang baik dan meyakinkan di mana SP2 mengetahui

I

beliau dipanggil ke mahkamah sebagai saksi kes rogol, SP2 memahami keperluan bercakap benar kerana kes ini kes rogol dan SP2 juga memahami boleh dikenakan tindakan jika tidak bercakap benar di mahkamah (lihat ms 74 rekod rayuan Jld 2(a)).

[27] Selanjutnya, kronologi keterangan saksi-saksi pendakwaan khasnya SP2 yang telah memberi keterangan di hadapan HMS yang bijaksana semasa perbicaraan kes adalah seperti berikut:

(a) 20 April 2017:

Pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula SP1 (ibu mangsa) di hadapan Puan Zarifah bt Zainal Abidin, HMS (lihat ms 55–73 rekod rayuan Jld 2(a));

(b) 22 Mei 2017:

Sambung pemeriksaan utama SP1 dan pemeriksaan utama SP2 (mangsa) di hadapan Puan Zarifah bt Zainal Abidin, HMS (lihat ms 74–87 rekod rayuan Jld 2(a));

(c) 15 Jun 2017:

Sambung pemeriksaan utama SP2 di hadapan Puan Zarifah bt Zainal Abidin, HMS (lihat ms 87–89 rekod rayuan Jld 2(a));

(d) 16 Ogos 2017:

Kes di hadapan Puan Iriane Isabelo, HMS. Puan Zarifah bt Zainal Abidin telah bertukar. Perbicaraan kes tidak diteruskan (lihat ms 89 rekod rayuan Jld 2(a));

(e) 18 September 2017:

Kes di hadapan Puan Rasyihah bt Ghazali, HMS. Perbicaraan kes tidak diteruskan (lihat ms 90 rekod rayuan Jld 2(a));

(f) 20 November 2017:

Kes di hadapan Puan Syafeera bt Mohd Said, HMS yang baru. Sambung perbicaraan dengan keterangan SP3 (Dr Nor Elyana bt Noordin)

(lihat ms 91–103 rekod rayuan Jld 2(a)). SP2 tidak dapat hadir untuk sambung pemeriksaan utama (lihat ms 91 rekod rayuan Jld 2(a));

(g) 21 November 2017:

Sambung perbicaraan di hadapan Puan Syafeera bt Mohd Said, HMS. Sambung pemeriksaan utama SP2 dan pemeriksaan balas SP2 (lihat ms 104–134 rekod rayuan Jld 2(a));

(h) 6 Disember 2107:

Sambung perbicaraan di hadapan Puan Syafeeera bt Mohd Said, HMS. Pemeriksaan semula SP2 dan pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula SP4 (Insp Noor Hidayu bt Aziz) (lihat ms 135–159 rekod rayuan Jld 2(a));

(i) 4 Januari 2018:

Keputusan di akhir kes pendakwaan di hadapan Puan Syafeera bt Mohd Said, HMS. Pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie bagi kedua-dua pertuduhan dan perayu dipanggil membela diri bagi kedua-dua pertuduhan (lihat ms 161 rekod rayuan Jld 2(a)). Perayu (SD1) yang dipanggil membela diri telah memberi keterangan secara bersumpah. Pemeriksaan utama perayu dan pemeriksaan utama SD2 (lihat ms 163–172 dan 173–183 rekod rayuan Jld 2(a));

(j) 10 Januari 2018:

Pemeriksaan balas perayu (SD1) di hadapan Puan Syafeera bt Mohd Said, HMS (lihat ms 184–191 rekod rayuan Jld 2(a));

(k) 22 Januari 2018:

Sambung pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula perayu (SD1). Pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula SD2 di hadapan Puan Syafeera bt Mohd Said, HMS (lihat ms 192–207 rekod rayuan Jld 2(a)); dan

(l) 5 Mac 2018:

Keputusan di akhir kes pembelaan di hadapan Puan Syafeera bin Mohd Said,

HMS dan hukuman yang dijatuhkan terhadap perayu (lihat ms 209–216 rekod rayuan Jld 2(a)).

[28] Selanjutnya, keterangan material saksi-saksi pendakwaan yang telah dibuat penilaian maksima oleh HMS yang bijaksana adalah seperti mana yang dinyatakan dalam alasan penghakiman di ms 12–46 rekod rayuan Jld 1(a). Kes pendakwaan banyak bergantung kepada keterangan SP2 (mangsa). Secara ringkasnya, keterangan SP2 (mangsa) adalah seperti berikut:

(a) kejadian rogol yang berlaku dalam rumah perayu:

(i) SP2 merupakan anak ke-enam daripada tujuh orang adik-beradik dan bersekolah setakat darjah enam. SP2 mempunyai kad OKU (masalah mata) dan bekerja di kedai perayu sebagai pelayan pelanggan mengambil pesanan dan menghantar makanan dan minuman di kedai kepunyaan perayu dari jam 4 petang sehingga 10 malam pada setiap hari kecuali hari Khamis (hari rehat);

(ii) SP2 telah bekerja di kedai perayu yang SP2 panggil sebagai kedai Hong Seng Hong dan SP2 mengatakan tidak tahu mengeja kedai tersebut dan apabila ditunjukkan gambar eksh P2A hingga D, SP2 telah camkan sebagai kedai perayu di mana SP2 bekerja;

(iii) menurut SP2, beliau telah mula bekerja di kedai perayu dari bulan Julai 2015 sehingga April 2016 kerana diminta oleh isteri perayu (SD2) dan ibu SP2 juga pada masa yang sama, berniaga di kedai perayu;

(iv) sepanjang memberikan keterangan di mahkamah, SP2 telah merujuk perayu dalam Bahasa Cina dialek Kantonis sebagai 'Laupan' dan diterjemahkan oleh jurubahasa cina sebagai 'Bos';

(v) SP2 memberikan keterangan bahawa beliau telah dirogol oleh perayu di sebuah bilik dalam rumah perayu pada jam lebih kurang 10 malam selepas tiga hari bekerja dengan perayu dalam bulan Julai 2015;

(vi) pada malam kejadian, selepas waktu kerja sebelum perayu menghantar SP2 balik ke rumah SP2, perayu telah membawa SP2 balik ke rumah perayu dan tiada orang lain di rumah perayu;

(vii) SP2 telah dapat camkan gambar-gambar eksh P3A hingga E sebagai tempat kejadian (rumah perayu) dan keadaan dalam rumah perayu dan menyatakan dengan spesifik tempat SP2 dirogol oleh perayu iaitu di gambar ekshs P3C, D dan E (lihat ms 89 rekod rayuan Jld 2(a));

(viii) SP2 telah camkan gambar tilam dalam bilik di rumah perayu (eksh P3C, D dan E) di mana SP2 telah dirogol oleh perayu (lihat

ms 220–221 rekod rayuan Jld 3(a));

(ix) menurut SP2, pada malam tersebut, isteri perayu (SD2) telah meminta perayu menghantar SP2 balik ke rumah selepas kerja kerana isteri perayu (SD2) tidak dapat menghantar SP2 balik kerana meraikan hari jadi anak saudaranya (lihat ms 136–137 rekod rayuan Jld 2(a));

(x) sampai di rumah perayu, perayu telah menyuruh SP2 masuk ke dalam rumah perayu dan mengikut arahan perayu, SP2 telah mengikut perayu masuk ke dalam rumah perayu;

(xi) menurut SP2, perayu telah mengunci rumah dan menarik SP2 masuk ke dalam bilik perayu dan memaksa SP2 membuka baju dan jika tidak, SP2 akan dipukul oleh perayu (lihat ms 88–89 rekod rayuan Jld 2(a));

(xii) mengikut arahan perayu, SP2 telah membuka sendiri semua baju atas dan bawah dan tidak memakai apa-apa. Manakala perayu telah membuka sendiri semua bajunya;

(xiii) menurut SP2, perayu telah memasukkan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2 agak lama tetapi tidak tahu berapa lama dan perayu juga telah menghisap buah dada SP2 (lihat ms 88 rekod rayuan Jld 2(a));

(xiv) SP2 mengatakan dia berasa takut dan sakit semasa kemaluan perayu masuk ke dalam kemaluannya dan telah memberitahu perayu bahawa dia berasa sakit tetapi perayu masih memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP2 (lihat ms 88 rekod rayuan Jld 2(a));

(xv) menurut SP2, keadaan kemaluan perayu semasa perayu memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP2 adalah dalam keadaan yang tegang dan keras dan bukan lembik (lihat ms 88 rekod rayuan Jld 2(a));

(xvi) menurut SP2, pada masa kejadian keadaan bilik tidur adalah terang dan SP2 nampak kemaluan perayu dengan jelas (lihat ms 88 rekod rayuan Jld 2(a));

(xvii) SP2 mengatakan dia telah menangis dan ada menjerit semasa kejadian tetapi tidak melawan kerana telah dipaksa oleh perayu (lihat ms 88 rekod rayuan Jld 2(a));

(xviii) SP2 mengatakan selepas perayu memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP2, SP2 nampak perayu mengeluarkan air mani iaitu cecair berwarna putih yang keluar dari kemaluan perayu ke atas badan SP2 (lihat ms 88 rekod rayuan Jld 2(a));

(xix) SP2 mengatakan perayu telah mengambil gambar SP2 dalam keadaan SP2 sedang berbogel dan perayu memberitahu SP2 supaya tidak memberitahu ibu SP2 jika tidak perayu akan meletakkan gambar SP2 dalam facebook (lihat ms 88 rekod rayuan Jld 2(a));

(xx) menurut SP2, perayu telah memberikan RM50 kepada SP2 dan perayu juga telah membawa SP2 mandi kerana cecair putih tersebut telah banyak melekat di badan SP2 (lihat ms 88 rekod rayuan Jld 2(a));

(xxi) selepas mandi, perayu telah menghantar SP2 pulang ke rumah SP2 dan sampai ke rumah SP2 pada jam 11 malam (lihat ms 88 rekod rayuan Jld 2(a));

(xxii) sampai ke rumahnya, SP2 telah masuk ke biliknya dan tidak memberitahu sesiapa berkenaan kejadian kerana perayu menyuruhnya untuk tidak memberitahu sesiapa;

(xxiii) menurut SP2, beliau telah dirogol lagi di rumah perayu tetapi tidak ingat berapa haribulan dan tidak ingat bulan (tarikhnya) (lihat ms 89 rekod rayuan Jld 2(a)); dan

(xxiv) SP2 boleh camkan tempat kejadian (rumah perayu) (lihat ms 89 rekod rayuan Jld 2(a)).

(b) kejadian rogol yang berlaku dalam tandas kedai perayu:

(i) menurut SP2, beliau juga telah dirogol oleh perayu dalam tandas di kedai perayu di tempat SP2 bekerja sebagaimana yang ditunjukkan dalam gambar eksh P2D (lihat ms 111 rekod rayuan Jld 2(a));

(ii) SP2 telah dapat camkan kedai perayu di mana SP2 telah dirogol oleh perayu sebagaimana gambar-gambar dalam eksh P2A hingga D (lihat ms 111 rekod rayuan Jld 2(a));

(iii) SP2 dapat camkan tandas yang SP2 telah dirogol sebagaimana dalam gambar eksh P2D kerana SP2 selalu masuk ke tandas tersebut, walaupun terdapat dua tandas dalam kedai perayu (lihat ms 112 rekod rayuan Jld 2(a));

(iv) menurut SP2, semasa berada di dalam tandas tersebut, SP2 dalam posisi duduk di atas mangkuk dan perayu dalam keadaan berdiri menghadap ke arah SP2;

(v) menurut SP2, kemudiannya perayu telah memasukkan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2 dan SP2 nampak kemaluan perayu yang keras telah masuk ke dalam kemaluannya kerana SP2 telah menghisap kemaluan perayu (lihat ms 106 rekod rayuan Jld 2(a));

(vi) menurut SP2, perayu telah memasukkan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2 selama setengah jam dan apabila kemaluan

perayu dikeluarkan dari kemaluan SP2, air mani telah keluar mengenai perut SP2 (lihat ms 105–107 rekod rayuan Jld 2(a)):

(vii) menurut SP2, beliau tidak menolak perayu kerana takut kepada perayu kerana perayu adalah majikannya (bos) (lihat ms 107 rekod rayuan Jld 2(a));

(viii) menurut SP2, beliau ada menjerit dan menangis dan pekerja lain boleh mendengar tetapi mereka tidak ambil campur (tidak menolongnya) (lihat ms 119 rekod rayuan Jld 2(a));

(ix) menurut SP2, kemaluannya rasa sangat sakit semasa perayu memasukkan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2 (lihat ms 108 rekod rayuan Jld 2(a));

(x) menurut SP2, pada hari tersebut perayu juga telah menghantar SP2 pulang ke rumah dan SP2 tidak memberitahu sesiapa kerana takut dan perayu telah memberi SP2 sebanyak RM50 supaya jangan cerita kepada sesiapa (lihat ms 108 rekod rayuan Jld 2(a));

(xi) menurut SP2, perayu telah banyak kali memasukkan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2 di dalam tandas tersebut (lihat ms 108 rekod rayuan Jld 2(a));

(xii) menurut SP2, beliau tidak pernah melakukan hubungan seks dengan orang lain (lihat ms 132 rekod rayuan Jld 2(a));

(xiii) SP2 menafikan beliau ada memasukkan objek ke dalam kemaluannya (lihat ms 134 rekod rayuan Jld 2(a)); dan

(xiv) SP2 menafikan kejadian rogol adalah rekaan beliau semata-mata (lihat ms 134 rekod rayuan Jld 2(a).

(c) keterangan lanjut SP2 mengenai kejadian rogol:

(i) SP2 cam perayu yang telah merogolnya (lihat ms 79–80 rekod rayuan Jld 2(a));

(ii) menurut SP2, beliau telah memberitahu ibunya (SP1) pada pagi 4 April (tahun tidak ingat) bahawa beliau telah dirogol kerana SP2 takut telah hamil (lihat ms 110 rekod rayuan Jld 2(a));

(iii) menurut SP2, satu laporan polis telah dibuat oleh SP2 berkenaan telah dirogol oleh perayu dan SP2 mengesahkan laporan polis yang dibuat oleh SP2 pada 4 April 2016 apabila ditunjukkan eksh P6 (lihat ms 112 rekod rayuan Jld 2(a));

(iv) SP2 mengatakan kejadian rogol di tandas kedai perayu tidak dinyatakan dalam laporan polis kerana terlupa tetapi telah memberitahu polis selepas itu (lihat ms 129 rekod rayuan Jld 2(a));

(v) SP2 menafikan kejadian rogol dalam tandas kedai perayu adalah

rekaan SP2 semata-mata (lihat ms 129 rekod rayuan Jld 2(a)); A

(vi) SP2 menafikan kelewatan membuat report polis kerana kejadian rogol tidak berlaku (lihat ms 130 rekod rayuan Jld 2(a));

(vii) SP2 tidak bersetuju dengan cadangan peguam bela perayu bahawa sebenarnya kejadian rogol tidak berlaku (lihat ms 130 rekod rayuan Jld 2(a); dan B

(viii) menurut SP2, beliau telah dibawa oleh pihak polis ke hospital untuk pemeriksaan bahagian bawah dan ada memberitahu doktor bahawa beliau telah dirogol (lihat ms 131 rekod rayuan Jld 2(a)). C

[29] Berdasarkan peruntukan s 157 Akta Keterangan 1950, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa keterangan SP2 adalah konsisten dan telah disokong oleh keterangan SP1 iaitu ibu SP2. Sebagai seorang kanak-kanak yang di bawah umur, SP2 berada di bawah jagaan dan tanggungjawab SP1. Secara ringkasnya, keterangan SP1 (ibu SP2) di mahkamah adalah seperti berikut: D

(a) menurut SP1, pada 4 April 2016, SP2 telah memberitahu SP1 beliau telah tidak datang haid beberapa bulan dan meminta SP1 membelikan *test kit* untuk *pregnancy test* kerana menurut SP2, beliau telah dirogol oleh perayu sebanyak 23 kali pada bulan Julai (tak pasti tahun bila); E

(b) menurut SP1, SP2 berasa sangat sedih semasa memberitahu SP1 bahawa SP2 telah dirogol oleh perayu; F

(c) menurut SP1, beliau bertanyakan kepada SP2 kenapa tidak memberitahunya sebelum ini dan SP2 memberitahu bahawa perayu telah memberinya RM50 dan suruh jangan beritahu SP1;

(d) menurut SP1, isteri perayu merayu kepada SP1 untuk membenarkan SP2 bekerja di kedai perayu kerana orang gajinya sudah balik dan SP2 telah bekerja di kedai perayu sejak bulan Julai 2015; G

(e) menurut SP1, SP2 ada memberitahu SP1 bahawa sekiranya perayu yang membawa SP2 ke tempat kerja, perayu akan membawa SP2 ke rumah perayu dahulu; H

(f) menurut SP1, lokasi rumah SP1, kedai perayu dan rumah perayu kesemuanya berdekatan dan berada di kawasan Bandar Country Homes; dan

(g) menurut SP1, laporan polis SP2 telah dibuat pada jam 10 malam pada 4 April 2016 dan selepas itu, SP2 telah dibawa ke Hospital Selayang untuk pemeriksaan perubatan dan doktor telah memberitahu ada kecederaan pada kemaluan SP2. I

[30] Selanjutnya, keterangan pegawai perubatan (SP3) yang telah menjalankan pemeriksaan ke atas SP2 juga telah didapati oleh HMS yang bijaksana dan dipersetujui oleh mahkamah ini menyokong keterangan SP2. Secara ringkasnya, SP3 (Dr Nor Elyana bt Noordin, Doktor Pakar Obstretik dan Ginekologi, Hospital Selayang) telah memberikan keterangan seperti berikut:

(a) SP3 telah memeriksa SP2 pada 6 April 2016 dan telah menyediakan laporan perubatan (eksh P5);

(b) menurut SP3, SP2 telah memberitahu SP3 bahawa perayu (majikannya) telah merogol SP2 lebih kurang 20 kali pada Julai 2015 sehingga 30 Mac 2016;

(c) hasil pemeriksaan SP3 ke atas SP2 mendapati selaput dara (hymen) SP2 telah koyak dan koyakan tersebut adalah koyakan lama dari jam 12 hingga jam 9;

(d) menurut SP3, selaput dara SP2 sudah tiada pada bahagian jam 12 hingga jam 9;

(e) SP3 membuat kesimpulan itu adalah koyakan lama sebab tiada kesan pendarahan dan tisu selaput dara telah pulih;

(f) menurut SP3, untuk sesuatu pembaikan luka paling cepat mengambil masa tujuh hari untuk pulih dan oleh itu, selepas tujuh hari adalah koyakan lama sebab sudah pulih;

(g) menurut SP3, apa-apa kemasukan objek boleh menyebabkan koyakan pada selaput dara SP2; dan

(h) SP3 tidak bersetuju dengan cadangan peguam bela perayu bahawa selaput dara boleh koyak jika mengangkat benda berat.

[31] Dalam buku *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes* (27th Ed) mengenai keterangan sokongan pegawai perubatan, penulis di ms 1693 telah menyatakan seperti berikut:

> Injury on female organ — Modi in his well known work 'Medical Jurisprudence and Toxicology', states:
>
> > Thus to constitute the offence of rape it is not necessary that there should be complete penetration of penis with emission of semen and rupture of hymen. Partial penetration of the penis within the labia majora or the vulva or pudenda with or without emission of semen or even an attempt at penetration is quite sufficient for the purpose of the law. It is, therefore, quite possible to commit legally the offence of rape without producing any injury to the genitals or leaving any seminal stains. In such a case medical officer should mention the negative facts in his report, but should not give his opinion that no rape had been committed. Rape is crime and not a medical condition. Rape is a legal term and

not a diagnosis to be made by the medical officer treating the victim. The only statement that can be made by the medical officer is that there is evidence of recent sexual activity. Whether the rape has occurred or not is a legal conclusion, not a medical one.

[32] Selanjutnya, mahkamah ini juga bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa keterangan SP4 (pegawai penyiasat) yang menjalankan siasatan mengenai kes rogol ini juga telah menyokong keterangan SP2. Secara ringkasnya, keterangan SP4 adalah seperti berikut:

(a) menurut SP4, SP2 telah membuat aduan bahawa SP2 telah dirogol oleh perayu di dua tempat kejadian iaitu di rumah perayu dan dalam tandas di kedai perayu;

(b) menurut SP4, SP2 telah dirogol oleh perayu di bilik tidur utama di rumah perayu pada waktu malam ketika tiada siapa di rumah perayu dan perayu telah memberi wang kepada SP2 sebanyak RM50 supaya tidak memberitahu sesiapa;

(c) menurut SP4, SP2 memberitahu di kedai pula, SP2 telah dirogol oleh perayu di dalam tandas;

(d) menurut SP4, SP2 telah meminta SP1 (ibu SP2) membelikan ujian kehamilan kerana SP2 lewat datang bulan (haid) dan apabila SP1 mendesak SP2 memberitahu perkara sebenar, SP2 memberitahu SP1 bahawa SP2 telah dirogol oleh perayu;

(e) dalam siasatan SP4, SP2 hanya memberitahu SP1 selepas didesak kerana perayu ada menyimpan gambar bogel SP2 semasa melakukan hubungan seks di rumah perayu;

(f) SP4 mengatakan dalam siasatannya, pekerja perayu yang lain tidak nampak SP2 dan perayu masuk ke dalam tandas dan tidak nampak kejadian rogol dan tidak mendengar SP2 menjerit dalam tandas kedai perayu;

(g) SP4 bersetuju bahawa SD2 (isteri perayu) tidak nampak kejadian rogol kerana tiada siapa di rumah perayu semasa kejadian rogol berlaku; dan

(h) menurut SP4, isteri perayu (SD2) ada memberitahu SP4 bahawa biasanya beliau akan menghantar SP2 pulang ke rumah selepas waktu kerja tetapi sekiranya ada hal yang tidak dielakkan, beliau telah menyuruh perayu menghantar SP2 balik ke rumah.

[33] Mengenai kelewatan dalam membuat laporan polis oleh SP2, *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes* (27th Ed), di ms 1707–1708, telah menyatakan seperti berikut:

Delay in filing FIR — Mere delay in filing First Information Report is no ground to

A doubt the case of the prosecutrix that the evidence given by her should not be accepted. Delay in lodging the FIR cannot be used as a ritualistic formula for doubting the prosecution case and discarding the same solely on the ground of delay in lodging the First Information Report. Delay has the effect of putting the court in its guard to search if any explanation has been offered for the delay, and if offered whether it is satisfactory or not. There may be various reasons for filing a complaint after some delay. The accused may be related to the prosecutrix; that the prosecutrix may be a young girl and she might have been threatened, she might be worrying about her future; she might have been frightened and may be in traumatic state of mind. It is well settled the accused is not entitled to acquittal and the prosecution evidence cannot be discarded on the ground that the complaint was not filled immediately. But filing of a complaint after considerable lapse of time is but one of the grounds which may be taken into account by the court while dealing with a case of rape. The fact that the report was lodged belatedly is a relevant fact of which the court must take notice. This fact has to be considered in the light of other facts and circumstances of the case. In the light of the totality of the evidence, the court of fact has to consider whether the delay in lodging the report adversely affects the case of the prosecution. That is a matter of appreciation of evidence. The time of occurrence, the distance of the police station, mode of conveyance available, are all factors which have a bearing on the question of delay in lodging of the report. Different cases have different facts and it is the totality of the evidence and the impact that it has on the mind of the court that is important. No strait jacket formula can be evolved in such matters, and each must rest on its own facts.

[34] Mengenai inti pati pertama dan inti pati kedua bagi kedua-dua pertuduhan yang dihadapkan ke atas perayu, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana (hakim bicara) bahawa kedua-dua inti pati tersebut telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Selanjutnya, bersandarkan peruntukan s 157 Akta Keterangan 1950, adalah didapati bahawa keterangan SP2 (mangsa) secara keseluruhannya adalah disokong oleh keterangan SP1, SP3 dan SP4 seperti berikut:

(a) keterangan SP2 (mangsa) dan SP1 (ibu mangsa) adalah konsisten bahawa perayu telah merogol mangsa pada bulan Julai 2015 di rumah perayu dan perayu telah memberi wang RM50 kepada SP2 supaya tidak memberitahu SP1;

(b) SP2 telah memberi keterangan bahawa beliau mula bekerja dengan perayu pada bulan Julai 2015 sehingga April 2016 dan walaupun SP1 tidak ingat tahun, jelas kejadian rogol berlaku pada bulan Julai 2015;

(c) keterangan SP2 dan SP3 (doktor pakar obstetrik dan ginekologi Hospital Selayang) adalah konsisten bahawa SP2 telah dirogol oleh perayu yang merupakan majikan SP2;

(d) SP3 mengesahkan terdapatnya koyakan lama pada bahagian jam 12 hingga jam 9 pada selaput dara SP2 (eksh P5);

(e) tiada keterangan dikemukakan oleh pembelaan bahawa SP2 pernah melakukan hubungan seksual dengan lelaki lain selain perayu dan juga tiada keterangan dikemukakan bahawa SP2 ada memasukkan objek lain ke dalam kemaluannya;

(f) SP3 mengesahkan bahawa selaput dara SP2 tidak boleh koyak akibat mengangkat benda-benda berat seperti tong gas, kerusi, meja dan seumpamanya di kedai perayu;

(g) keterangan SP2 disokong oleh keterangan SP4 (pegawai penyiasat) bahawa SP2 telah dirogol di dua tempat yang berlainan oleh perayu iaitu di rumah perayu dan dalam tandas di kedai perayu;

(h) menurut SP4, SP2 telah dirogol oleh perayu di bilik tidur utama di rumah perayu pada waktu malam ketika tiada sesiapa di rumah perayu pada hari SD2 (isteri perayu) menyuruh perayu menghantar SP2 balik ke rumah dan SP2 telah dirogol oleh perayu di dalam tandas kedai perayu;

(i) keterangan SP2 juga disokong oleh SP4 berkaitan perayu telah memberikan wang RM50 kepada SP2 supaya tidak memberitahu sesiapa mengenai kejadian rogol;

(j) keterangan SP2 juga telah disokong oleh Laporan Polis yang dibuat oleh SP2 (eksh P6) dan Laporan Perubatan (eksh P5) yang menunjukkan keterangan SP2 adalah konsisten dan boleh dipercayai;

(k) walaupun kejadian rogol di dalam tandas kedai perayu tidak dinyatakan oleh SP2 dalam laporan polis pada 4 April 2016 namun ianya telah diadukan kepada SP4 selaku pegawai penyiasat kes pada 6 April 2016; dan

(l) SP2 dapat camkan perayu sebagai majikannya yang telah merogol SP2 di rumah perayu ketika perayu membawa SP2 pulang ke rumah dan tiada orang lain dalam rumah perayu dan kejadian rogol di dalam tandas kedai perayu ketika SP2 berduaan dengan perayu di dalam tandas tersebut.

[35] Selanjutnya, berkenaan isu kemasukan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa peguam bela perayu telah gagal mencabar keterangan SP2 berkaitan isu kemasukan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2 bagi kedua-dua pertuduhan tersebut (isu kemaluan perayu tidak naik/mati pucuk). Menurut SP2, semasa kejadian rogol di rumah perayu, SP2 nampak kemaluan perayu kerana pencahayaan bilik tersebut adalah terang dan kemaluan perayu berada dalam keadaan tegang dan keras (bukan lembik) semasa perayu memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP2. Menurut SP2, beliau juga berasa sakit semasa perayu memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP2.

[36] Menurut SP2, semasa beliau dirogol oleh perayu di dalam tandas kedai

perayu, SP2 nampak kemaluan perayu yang tegang dan keras masuk ke dalam kemaluan perayu kerana SP2 telah menghisap kemaluan perayu. Menurut SP2, beliau berada dalam posisi duduk di atas mangkuk tandas dan perayu dalam keadaan berdiri menghadap ke arah SP2. Kemudian, perayu telah memasukkan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2.

[37] Selanjutnya, mengenai inti pati ketiga bagi kedua-dua pertuduhan terhadap perayu, ianya tetap merupakan suatu kesalahan rogol sama ada kemasukan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP2 berlaku dengan kerelaan atau tanpa kerelaan SP2 sekiranya SP2 berumur di bawah 16 tahun semasa kejadian. HMS yang bijaksana telah merujuk kepada Sijil Kelahiran SP2 (eksh P1) yang membuktikan SP2 telah dilahirkan pada 10 Ogos 2000. Kesalahan rogol di rumah perayu telah berlaku pada bulan Julai 2015 dan berdasarkan eksh P1, SP2 berumur 14 tahun 11 bulan ketika itu. Manakala kesalahan rogol dalam tandas di kedai perayu berlaku pada bulan Ogos 2015 dan berdasarkan eksh P1, SP2 berumur 15 tahun ketika itu. Dalam kedua-dua kejadian rogol tersebut, pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa SP2 berumur di bawah 16 tahun semasa kedua-dua kejadian.

[38] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana (hakim bicara), setelah penilaian maksima dibuat kepada keterangan kes pendakwaan di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu dan oleh itu perayu telah dipanggil untuk membela diri bagi kedua-dua pertuduhan tersebut. Sehubungan itu, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* di ms 399 telah memperjelaskan tugas hakim bicara di akhir kes pendakwaan seperti berikut:

> What is required of a subordinate court and the High Court under the amended sections is to call for the defence when it is satisfied that a prima facie case has been made out at the close of the prosecution case. This requires the court to undertake a maximum evaluation of the prosecution evidence when deciding whether to call on the accused to enter upon his or her defence. It involves an assessment of the credibility of the witnesses called by the prosecution and the drawing of inferences admitted by the prosecution evidence. Thus, if the prosecution evidence admits of two or more inferences, one of which is in the accused's favour, then it is the duty of the court to draw the inference that is favourable to the accused. See *Tai Chai Keh v Public Prosecutor* [1948–49] MLJ Supp 105; *Public Prosecutor v Kasmin bin Soeb* [1974] 1 MLJ 230. If the court, upon a maximum evaluation of the evidence placed before it at the close of the prosecution case, comes to the conclusion that a prima facie case has not been made out, it should acquit the accused. If, on the other hand, the court after conducting a maximum evaluation of the evidence comes to the conclusion that a prima facie case has been made out, it must call for the defence.

PEMBELAAN PERAYU TELAH DIPERTIMBANGKAN OLEH HMS DENGAN SEWAJARNYA

[39] Perayu telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah dalam Bahasa Cina dialek Kantonis. Selain perayu (SD1) yang memberi keterangan, isteri perayu (SD2) juga telah memberi keterangan sebagai saksi pembelaan. Dalam pembelaannya, perayu tidak menafikan SP2 telah diambil bekerja di kedai perayu oleh SD2 dan juga tidak menafikan bahawa SP2 bekerja dari jam 4 petang sehingga 10–10.30 malam dan adakalanya sehingga jam 11 malam sehingga kedai ditutup. Selanjutnya, perayu menafikan telah merogol SP2 di rumah perayu dan juga menafikan telah merogol SP2 di dalam tandas di kedai perayu. Sebagai pembelaannya, perayu juga mengatakan mengalami masalah kemaluan tidak naik (mati pucuk) sejak tahun 2012 (kena strok) dan adalah mustahil perayu telah merogol SP2 dan adalah didapati SD2 memberi keterangan yang menyokong keterangan perayu. Oleh yang demikian, adalah pembelaan perayu bahawa adalah mustahil kemaluan perayu boleh tegang dan keras dan boleh dimasukkan ke dalam kemaluan SP2 dan dapat mengeluarkan air mani menurut keterangan SP2.

[40] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa keterangan perayu yang menafikan telah merogol SP2 di rumah perayu dan di dalam tandas kedai perayu adalah pembelaan penafian semata-mata dan tidak dapat menyangkal keterangan saksi-saksi pendakwaan dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana yang telah mendapati keterangan SP2 adalah konsisten dan begitu meyakinkan (*unusually convincing*) sepanjang perbicaraan kes dan telah membuktikan bahawa SP2 telah dirogol oleh perayu di rumah perayu dan juga di dalam tandas kedai perayu. Tambahan pula, keterangan SP1, SP3 dan SP4 telah menyokong keterangan SP2 bagi maksud s 157 Akta Keterangan 1950 dan keterangan SP2 juga telah disokong oleh laporan polis SP2 (eksh P6) dan juga laporan perubatan (eksh P5).

[41] Perayu juga mengemukakan keterangan bahawa perayu mengalami masalah kemaluan yang tidak naik (mati pucuk) sejak tahun 2012 dan adalah mustahil untuk perayu merogol SP2 pada tahun 2015. Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa pembelaan perayu adalah penafian semata-mata dan mengenai isu mati pucuk, ianya merupakan suatu pembelaan yang difikirkan kemudian (*afterthought*) oleh perayu serta tidak mempunyai sebarang merit. Keterangan perayu dan SD2 sahaja adalah tidak memadai untuk membuktikan keadaan mati pucuk yang dialami oleh perayu tanpa disokong oleh keterangan perubatan atau doktor yang merawat perayu. Tambahan pula, perayu telah gagal untuk mengemukakan atau mengajukan soalan mengenai isu mati pucuk kepada saksi pendakwaan semasa

kes pendakwaan. Adalah didapati bahawa SP2 (mangsa) dan SP1, SP3 dan SP4 tidak diperiksa balas mengenai isu mati pucuk oleh peguam bela perayu semasa kes pendakwaan. Pihak pembelaan sepatutnya mengemukakan isu mati pucuk ini semasa kes pendakwaan kepada saksi-saksi pendakwaan dan bukan menimbulkan isu mati pucuk semasa kes pembelaan.

[42] Selanjutnya, mengenai pembelaan perayu, Mahkamah Rayuan dalam kes *Ahmadi bin Moin v Public Prosecutor* [2017] MLJU 271; [2017] 1 LNS 303 telah memperjelaskan seperti berikut:

> We found that the learned trial judge had duly considered all the evidence adduced before concluding that the defence of the appellant were *mere denial* and an afterthought. It is the duty of the defence to put its case to the prosecution's witnesses as might be in a position to admit or deny it to enable the prosecution to check on whether an accused's version of the facts is true of false, and thus avoid the adverse comment, that the defence is a recent invention, *bare denial* or an afterthought (*Alcontara a/l Ambross Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209; [1996] 1 CLJ 705).

[43] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa pembelaan perayu merupakan penafian semata-semata atau suatu yang difikirkan kemudian (*afterthought*) dan bukan merupakan penafian yang disertakan dengan penjelasan yang munasabah sepertimana yang diperjelaskan dalam kes *Public Prosecutor v Leong Heo Cheang* [1990] MLJU 11; [1990] 2 CLJ Rep 738. Dalam kes ini, Mahkamah Tinggi di ms 744 telah memperjelaskan seperti berikut:

> I must now confront the issue of critical substance at the close of the case for the defence. Had it been proved by the prosecution that at the time and place mentioned in the charge the accused was caught red-handed carrying the sling bag containing the heroin? If so, in the absence of any acceptable explanation, he would be a trafficker within the meaning of s 2 of the Dangerous Drugs Act.
>
> It was submitted by the learned Deputy that the defence of the accused was a bare denial and therefore insufficient to rebut the presumptions under s 37(d) (as to knowledge) and (g) (as to trafficking) of the Act.
>
> In my view, it was not quite correct to describe the defence of the accused as a bare denial; it was a denial coupled with an explanation. Nevertheless, it was true to say that there was an acute conflict of evidence between Sidek's version as to the circumstances under which the accused was arrested and that of the accused.

[44] Semasa pendengaran rayuan ini, peguam bela perayu juga telah menghujahkan bahawa pertukaran HMS yang membicarakan kes ini telah mendatangkan ketidakadilan kepada perayu. Menurut peguam bela perayu, HMS yang baru (Puan Syafeera bt Mohd Said) yang memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie bagi kedua-dua pertuduhan terhadap perayu tidak mendengar sebahagian besar keterangan

SP2 (mangsa). Manakala, menurut peguam bela, sebahagian besar keterangan SP2 telah didengar oleh HMS yang terdahulu (Puan Zarifah bt Zainal Abidin) sebelum beliau bertukar. Atas alasan ini, peguam bela perayu menghujahkan berlaku ketidakadilan dalam prosiding kes dan mewajarkan rayuan perayu dibenarkan atau sekurang-kurangnya, perbicaraan semula diadakan di bawah s 261(b) Kanun Tatacara Jenayah.

[45] Sebaliknya, timbalan pendakwa raya ('TPR') bagi pihak perayu menghujahkan bahawa pertukaran HMS adalah suatu perkara biasa pentadbiran dan perbicaraan kes boleh diteruskan oleh HMS yang baru yang mengambil alih kes tersebut. Lagi pula mengikut TPR, sistem CRT telah disediakan untuk membantu HMS yang baru mengambil alih suatu kes yang disambung bicara. HMS yang baru boleh mendengar keterangan SP2 dan juga melihat SP2 memberi keterangan. Dengan hormatnya, mahkamah ini tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguam bela perayu dan sebaliknya bersetuju dengan hujahan TPR mengenai isu ini. Mahkamah ini mendapati Puan Syafeera bt Mohd Said, (HMS) yang baru telah mengambil alih sambung perbicaraan kes mulai 20 November 2017 (mendengar keterangan SP3) dan seterusnya telah mendengar SP2 menyambung pemeriksaan utama pada 21 November 2017 sehingga selesai keterangan SP2 pada 6 Disember 2017 (lihat ms 90–138 rekod rayuan Jld 2(a)). Beliau juga telah mendengar keterangan SP4 sehingga selesai dan juga mendengar hujahan pihak-pihak di akhir kes pendakwaan. Mahkamah ini juga berpendapat tidak berlaku apa-apa ketidakadilan atau prejudis yang material kepada perayu. Selanjutnya, perayu telah diberikan perbicaraan yang adil dan saksama.

[46] Dalam dapatan mahkamah ini, keputusan di akhir kes pendakwaan yang telah dibuat oleh Puan Syafeera bt Mohd Said (HMS) pada 4 Januari 2018 adalah teratur dan tidak menyebabkan apa-apa ketidakadilan kepada perayu. Di ms 161 rekod rayuan Jld 2(a), beliau telah memutuskan seperti berikut:

> Setelah mendengar dan meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan bersama eksibit-eksibit yang dikemukakan dan setelah meneliti hujahan pembelaan dan pendakwaan, Mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT atas kedua-dua pertuduhan yang dihadapkan. Oleh yang demikian, OKT dipanggil untuk membela diri. Dengan ini OKT diberi 3 pilihan sama ada memberikan keterangan secara bersumpah dari kandang saksi atau memberikan keterangan tidak bersumpah dari kandang OKT ataupun berdiam diri.

KESIMPULAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[47] Setelah menimbangkan keseluruhan keseluruhan keterangan pihak pendakwaan dan juga pembelaan perayu, mahkamah ini bersetuju dengan

dapatan HMS yang bijaksana (hakim bicara) bahawa perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Selanjutnya, mahkamah ini juga bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan sabitan perayu bagi kedua-dua pertuduhan tersebut adalah selamat.

[48] Mengenai hukuman yang dijatuhkan oleh HMS (hakim bicara) yang bijaksana, walaupun tiada hujahan oleh pihak-pihak, mahkamah ini mendapati hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah berasas dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan bersandarkan kepada prinsip penghukuman yang betul dan tiada alasan yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah dikekalkan (lihat keputusan kes *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534, *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193, *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83, *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256, *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315, *R v Sargeant* (1974) 60 Cr App Rep 74 dan *Rex v Kenneth John Ball* [1951] 35 Cr App R 164).

[49] Dalam buku *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes* (27th Ed), di ms 1728–1729, mengenai hukuman dalam kes jenayah seksual, penulis telah menyatakan seperti berikut:

> Sentence — sexual violence apart from being a dehumanising act is an unlawful intrusion of the right to privacy and sanctity of a female. It is a serious blow to her supreme honour and offends her self-esteem and dignity — it degrades and humiliates the victim and where the victim is a helpless innocent child, it leaves behind a traumatic experience. The courts are, therefore, expected to deal with cases of sexual crime against women with utmost sensitivity. Such cases need to be dealt with sternly and severely. A socially sensitised Judge is a better statutory armour in cases of crime against women than long clauses of penal provisions, containing complex exceptions and provisos.

[50] Dengan yang demikian, berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan, rayuan perayu adalah ditolak. Sabitan dan hukuman bagi kedua-dua pertuduhan yang dijatuhkan ke atas perayu adalah dikekalkan.

Rayuan perayu ditolak.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar